

18/09/2001

Supavadee, Qabil atlit terbaik

JAGUH ekuestrian negara, Mohd Qabil Ambak Mahamad Fathil dan ratu pecut Thailand, Supavadee Khawpeag diumumkan sebagai atlit terbaik lelaki dan wanita Sukan Sea XXI.

Qabil Ambak dan Supavadee menerima anugerah itu daripada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ketika upacara penutup Sukan Sea XXI di Stadium Nasional, Bukit Jalil, malam tadi.

Qabil Ambak, 21, dilahirkan di Kuala Lumpur dan anak kedua daripada tiga beradik meraih sejumlah empat emas - dua melalui acara individu dan dua berpasukan.

Emas individu diraih dalam acara dressage dan showjumping dan juga emas berpasukan dalam kedua-dua acara ini.

Ia adalah persembahan gemilang buat Qabil Ambak, kerana membantu pasukan ekuestrian negara muncul juara keseluruhan sukan ini dengan sejumlah lima emas.

Qabil Ambak, datang daripada keluarga ternama dalam sukan ekuestrian dan tidak keterlaluan jika dikatakan bahawa keluarga inilah yang menjadi penggerak di sebalik kejayaan utama pasukan ekuestrian.

Dua lagi saudara Qabil - abangnya, Quzier Ambak, 25, dan adik perempuannya, Quzandria Nur, 19, turut beraksi dalam ekuestrian dalam temasya ini.

Sementara itu, Supavadee pula memahkotakan dirinya selaku ratu trek dan juga atlit wanita terbaik Sukan Sea XXI dengan kejayaan meraih sejumlah empat emas.

Dua emas diraih dalam kedua-dua acara pecut 100 dan 200 meter serta acara berganti-ganti, 4x100 dan 4x400m.

Dalam acara 100m, dia mencatatkan 11.33s, hanya 0.05s daripada rekod Sukan Sea 11.28s manakala dalam 200m, Supavadee berjaya memecahkan rekod temasya ini.

Kepantasannya, 23.30s, mengatasi rekod berusia lapan tahun 23.37s dicatatkan legenda pecut Filipina, Lydia de Vega di Singapura 1993.

Selain itu, Supavadee bergandingan dengan Jutamas Tawoncharoen, Orranut Klomdee dan Trecia Roberts, meraih emas dan 4x100m dan kemudian turun semula 30 minit selepas itu bagi memastikan kejayaan kuartet 4x400m.

Ini kejayaan besar buat Supavadee, yang meraih emas 200 dan 4x100m di Brunei, dua tahun lalu.